

Menurut seksyen 74 Akta Cukai Pendapatan 1967, wasi atau pentadbir harta pusaka bagi mana-mana individu yang meninggal dunia (si mati) adalah bertanggungjawab untuk melaporkan pendapatan dan menyelesaikan tunggakan cukai daripada harta pusaka si mati.

Mulai Tahun Taksiran 2018, penggunaan e-Filing Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) diperluaskan kepada **Wasi / Pentadbir Harta Pusaka** dan **Pentadbir bagi Pembayar Cukai yang meninggal dunia**.

Sijil Digital

Borang elektronik bagi pentadbir dikenali sebagai **e-Borang Pentadbir** dan boleh dihantar oleh Pentadbir yang didaftarkan dalam Sistem Pendaftaran Sijil Digital (SPSD) dengan menggunakan Sijil Digital Pentadbir (SeFP).

Nota Penerangan

Pautan Nota Penerangan disediakan untuk penerangan lanjut mengenai borang di e-Borang.

Fungsi Butang

- i. “Teruskan” – menyimpan maklumat yang diisi dan teruskan ke muka surat berikut.
- ii. “Kembali” – Paparan muka surat yang sebelumnya.

Peringatan

- i. Sekiranya menggunakan menu untuk ke bahagian yang seterusnya, maklumat yang dikemas kini tidak akan disimpan. Oleh itu, sila gunakan butang “Teruskan” setelah selesai mengisi maklumat di setiap bahagian.
- ii. Semua maklumat yang bertanda (*) adalah mandatori. Sila pastikan maklumat tersebut diisi sebelum klik “Teruskan”.

LANGKAH-LANGKAH

1. Layari pautan <https://ez.hasil.gov.my>

- i. Makluman Frasa Keselamatan akan dipaparkan. Klik **“Tutup”** sekiranya frasa keselamatan telah ditetapkan.

- ii. Masukkan No. Pengenalan Wasi / Pentadbir dan klik **“Hantar”**.

- iii. Masukkan kata laluan yang tepat sekiranya frasa keselamatan yang dipaparkan betul dan klik **“Teruskan”**.

- iv. Maklumat Pentadbir dan tempoh sah SeFP dipaparkan. Senarai pembayar cukai yang telah didaftarkan di SPSD sebagai Pembayar Cukai Harta Pusaka juga akan dipaparkan.

Maklumat Asas

Nama :
 No. Rujukan :
 No. Cukai Pendapatan :
 Alamat :
 No. Telefon :
 No. Telefon Blimbit :
 Alamat Emel :

[e-Kemaskini Profil](#)

Sijil Digital Pentadbir

Status Sijil : Sah
 Tempoh Sijil : 25/02/2019 11:27:24 PG - 25/08/2019 11:27:24 PG

Maklumat Pembayar Cukai Harta Pusaka :

| Bil. | Nama | No. Rujukan (No. Pendaftaran) | Status Pentadbir | Tarikh Daftar |
|------|------|-------------------------------|------------------|---------------|
| 1 | | | Aktif | 25/02/2019 |
| 2 | | | Aktif | 25/02/2019 |

2. Skrin senarai perkhidmatan dipaparkan apabila Pentadbir berjaya log masuk sistem ezHASIL. Klik pautan e-Borang Pentadbir di bawah menu e-Filing.

Perkhidmatan

ByrHASIL
 ByrHASIL adalah aplikasi elektronik untuk pembayaran cukai pendapatan melalui bank-bank yang dilantik > lagi

e-Daftar
 e-Daftar adalah aplikasi permohonan pendaftaran fail cukai pendapatan untuk pembayar cukai baharu mendapatkan nombor cukai pendapatan > lagi

e-Data PCB
 Kegunaan majikan menyemak format dan memuat naik fail bit CP39 untuk dihantar ke LHDNM secara dalam talian > lagi

e-Filing
 Kaedah mengisi dan menghantar Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) secara elektronik > lagi

e-Data Praisi
 Sistem untuk membolehkan majikan mengemukakan dan menyemak data pra-kerja > lagi

e-Filing CKHT / WHT
 Sistem yang membolehkan pembayar cukai membuat pengislan secara dalam talian > lagi

e-Kemaskini
 e-Kemaskini merupakan aplikasi bagi membolehkan pembayar cukai mengemaskini maklumat > lagi

e-Lejar
 e-Lejar ialah satu kemudahan yang disediakan untuk pembayar cukai menyemak Butiran Perbadi, Transaksi Lejar dan Kedudukan terkini baki cukai > lagi

e-PCB
 Kegunaan majikan yang tidak mempunyai sistem pengiraan berkomputer untuk mengira dan menyemak PCB > lagi

e-Residence
 Sijil Taraf Mastautin (STM) dikeluarkan untuk mengesahkan status pemastautin di Malaysia > lagi

e-SPC
 e-SPC merupakan Sistem Permohonan Surat Penyelesaian Cukai secara dalam talian > lagi

Kalkulator PCB
 Sistem sokongan untuk mengira PCB > lagi

Muat Turun Borang
 Kegunaan majikan menyemak format dan memuat turun fail CP35 secara dalam talian (online)
 ■ CP55 / CP55A (Ejen Cukai)
 ■ CP55B / CP55C (Organisasi) > lagi

STAMPS
 Sistem Taksiran dan Pembayaran Duti Setem secara elektronik melalui internet > lagi

TAeF
 Ejen Cukai boleh memfail secara elektronik Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) bagi pihak pelanggannya > lagi

XBRL > lagi

3. Pilih e-Borang iaitu e-BE, e-B, e-BT, e-M, e-MT atau e-TP dan tahun taksiran yang hendak diisi.
4. Masukkan No. Cukai Pendapatan Pembayar Cukai Harta Pusaka yang telah didaftarkan di SPSD dan klik **Teruskan**.

5. Skrin e-Borang Pentadbir adalah seperti berikut :

- i. e-Borang Pentadbir bagi Borang e-BE, e-B, e-BT, e-M, e-MT adalah menggunakan skrin borang Pembayar cukai individu yang sedia ada.
- ii. e-Borang TP akan memaparkan 9 bahagian iaitu:

| | |
|---|--|
| i. Maklumat Harta Pusaka | - Ruangan yang bertanda (*) adalah mandatori untuk diisi |
| ii. Maklumat Wasi / Pentadbir | - Pengisian maklumat nama, No. Pengenalan / pasport, No. cukai pendapatan dan No. telefon Wasi / Pentadbir |
| iii. Pendapatan berkanun & Jumlah Pendapatan | - Skrin ini mengandungi : a. Pendapatan berkanun perniagaan dan Perkongsian serta pendapatan berkanun lain dan; b. Jumlah pendapatan / pendapatan bercukai |
| iv. Pendapatan Tahun Kebelakangan / Pendapatan Dikecualikan | - Skrin ini mengandungi : a. Pendapatan tahun kebelakangan yang belum dilaporkan dan; b. Maklumat pendapatan yang dikecualikan |
| v. Maklumat Pendapatan Perniagaan | - Skrin ini mengandungi : a. Kerugian b. Elaun modal yang dituntut c. Maklumat cukai pegangan |
| vi. Perbelanjaan Khas, Potongan selanjutnya dan Potongan Dua Kali | - Skrin ini mengandungi : a. Perbelanjaan khas, Potongan selanjutnya dan Potongan Dua Kali untuk kod tuntutan yang dibenarkan, amaun dan jumlah tuntutan. |

| | |
|---|--|
| | <ul style="list-style-type: none"> b. Tuntutan insentif merangkumi jenis insentif, amaun diserap dan baki hantar hadapan. |
| vii. Cukai Kena Dibayar / Dibayar Balik | <ul style="list-style-type: none"> - Skrin ini memaparkan pengiraan Pendapatan Bercukai dan Jumlah Cukai yang Dikenakan - Skrin ini juga mengandungi: <ul style="list-style-type: none"> a. Tolakan cukai seksyen 110 (lain-lain) – HK6; b. Pelepasan cukai seksyen 132; dan c. Pelepasan cukai seksyen 133 |
| viii. Maklumat Kewangan | <ul style="list-style-type: none"> - Skrin ini mengandungi <ul style="list-style-type: none"> a. Pendapatan dan jumlah pendapatan; b. Perbelanjaan dan jumlah perbelanjaan; c. Untung / Rugi Bersih; d. Perbelanjaan yang tidak dibenarkan; e. Aset tetap dan jumlah aset tetap; f. Aset semasa dan jumlah aset semasa; g. Liabiliti dan jumlah liabiliti; |
| ix. Rumusan Cukai / Kedudukan Cukai | <ul style="list-style-type: none"> - Skrin ini memaparkan; <ul style="list-style-type: none"> a. Pendapatan bercukai; b. Jumlah cukai yang dikenakan; c. Jumlah tolakan / pelepasan; d. Cukai kena dibayar; e. Ansuran yang telah dibayar; dan f. Baki cukai kena dibayar atau Cukai terlebih bayar. |
| x. Akuan | <ul style="list-style-type: none"> - Sistem ini akan memaparkan; <ul style="list-style-type: none"> a. Perakuan penghantar borang b. Butang Cetak Draf e-TP – mencetak draf borang dalam bentuk. Pdf c. Butang Cetak Draf HK6 (ada, sekiranya pengguna mengisi HK6) – Mencetak draf HK6 dalam bentuk. Pdf. d. Skrin Tandatangan akan dipaparkan setelah klik “Teruskan”. Masukkan No. Pengenalan dan Kata Laluan yang tepat untuk menghantar |

borang yang telah diisi. Huruf besar atau kecil yang dimasukkan hendaklah tepat seperti yang ditetapkan sebelum ini.

Tandatangan / Sign

Masukkan No. Rujukan (No. Pengenalan) dan Kata Laluan
Key In Reference No. (ID No.) and Password


No. Rujukan (No. Pengenalan) :

Reference No. (ID No.) :

Kata Laluan :

Password :

6. Skrin Pengesahan Penerimaan e-Borang Pentadbir bagi Tahun Taksiran XXXX seperti di bawah akan dipaparkan. Terdapat 4 butang pada skrin ini berfungsi untuk:
- i. Cetak Slip Pengesahan – Untuk menyimpan dan mencetak slip pengesahan penerimaan borang dalam bentuk .pdf.
 - ii. Cetak e-TP - Untuk menyimpan dan mencetak borang dalam bentuk .pdf.
 - iii. Cetak HK6 (ada, sekiranya pengguna mengisi HK6) – Untuk menyimpan dan mencetak HK6 dalam bentuk .pdf.
 - iv. Keluar – Untuk keluar dari e-Borang



e-Filing LHDNM
Mudah Tepat Selamat

PENGESAHAN PENERIMAAN e-TP BAGI TAHUN TAKSIRAN 2018
ACKNOWLEDGEMENT RECEIPT e-TP FOR YEAR OF ASSESSMENT 2018

| | |
|--|----|
| Nombor Siri <i>Serial Number</i> | TP |
| Nama harta pusaka <i>Name of deceased person's estate</i> | |
| No. cukai pendapatan <i>Income Tax No.</i> | TP |
| Pendapatan bercukai <i>Chargeable Income</i> | RM |
| Jumlah cukai yang dikenakan <i>Total Tax Charged</i> | RM |
| Tolak : Jumlah tolakan / pelepasan <i>Less : Total deduction / relief</i> | RM |
| CUKAI KENA DIBAYAR YEAR OF ASSESSMENT 2018 TAX PAYABLE | RM |
| Tolak : Ansuran yang telah dibayar <i>LESS : Instalments paid</i> | RM |
| BAKI CUKAI KENA DIBAYAR <i>Balance Of YA 2018 Tax Payable</i> | RM |

Pengakuan dan ditandatangani oleh
Declaration and signed by

No. Pengenalan
Identification No.

Jawatan
Designation

Tanah dan masa
Date and Time

Alamat IP
IP Address

Terima kasih kerana menggunakan e-Filing LHDNM.
Thank you for using the LHDNM e-Filing.

